


UiTM serlahkan jaringan antarabangsa secara maya



Shah Alam: Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengembang dan serlahkan jaringan antarabangsa secara maya dengan mengadakan kolaborasi bersama lebih 300 universiti luar negara, melalui pelbagai memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian persefahaman (MoA).

Pengarah Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa (OIA) UiTM, Dr Zainab Mohd Noor, berkata kolaborasi itu turut melibatkan universiti ranking terbaik dunia, badan profesional dan pertubuhan luar negara.

Beliau berkata, kolaborasi antarabangsa dengan universiti luar negara, program virtual, kerjasama dengan kedutaan asing di Malaysia, program Pendidikan Transnasional (TNE) dan hubungan alumni antarabangsa adalah antara inisiatif dibuat susulan norma baharu dalam pandemik COVID-19.

"UiTM agresif memastikan pandemik COVID-19 tidak mengekang pelbagai inisiatif yang sudah dirancang, dengan memanfaatkan norma baharu secara maya yang menjadi instrumen penting dalam menyerlahkan pengantarabangsaan universiti," katanya.

Beliau berkata, mulai sesi Oktober 2020 hampir 100 pelajar antarabangsa dari Indonesia, Korea Selatan, Jerman,

Mesir, China, dan Jepun serta 15 universiti luar negara akan mengikuti orientasi dan pengajian secara maya bersama 12 fakulti.

Katanya, antara program popular adalah program pertukaran pelajar *in-bound/outbound* berkredit (pelajar) dan penceramah jemputan serta rakan penyelidik (kakitangan).

Justeru, tumpuan adalah terhadap kerjasama akademik dua hala yang membabitkan mobiliti pelajar dan kakitangan.

Zainab berkata, OIA berperanan penting menyemarakkan agenda pengantarabangsaan dalam keadaan dunia yang VUCA (*Volatile, Uncertain, Complex and Ambiguous*) dengan pandemik COVID-19.

"Oleh sebab itu, OIA membangunkan inisiatif pengantarabangsaan selaras norma baharu berlandaskan teknologi semasa sejajar hasrat menjadikan UiTM universiti terkemuka dunia menjelang 2025," katanya.

Zainab berkata, OIA turut menyertai kerjasama bersama rangkaian universiti antarabangsa seperti Asea-Uninet, Better Futures, University Mobility in Asia and the Pacific (UMAP), Asia Technological University Network (ATU-Net) dan ASEAN International Mobility for Students (AIMS - Seameo



Rihed) serta gagasan Indonesia-Malaysia-Thailand-Growth Triangle (IMT-GT) yang mana UiTM adalah koordinator dalam kalangan universiti di Malaysia.

Selain itu, OIA menganjurkan Virtual AIMS Forum-Let's Connect! dan ATU-Net Students' Forum on COVID-19 yang menggalakkan pelajar berkongsi pengalaman serta pandangan terhadap pandemik itu.

Melalui *Better Futures*, pelajar UiTM menyertai Owl's Virtual Flight anjuran Southern Connecticut State University, Amerika Syarikat yang memberi peluang dan pendedahan peringkat antarabangsa walaupun mereka berada di Malaysia (Internationalisation@Home).

Sementara itu, satu program virtual IMT-GT membabitkan pelajar Indonesia, Malaysia dan Thailand akan berlangsung pada bulan depan.

Katanya, OIA adalah rakan strategik kepada pemegang taruh UiTM melalui program kerjasama dengan Kolej Perindu, iaitu ASEAN Virtual Student Residential Innovation and Technology Competition dan ASEAN University Student Leadership Conference 2020. Kerjasama juga diteruskan melalui Ambassadorial Lecture Series, Ambassadorial Art Lecture Series, International Partner Lecture Series dan mesyuarat kolaborasi dengan kedutaan asing.

"Duta dari Kanada, Bosnia Herzegovina, Cuba dan Colombia menyampaikan syarahan mengenai hal ehwal semasa, politik, ekonomi dan pendidikan di Ambassadorial Lecture Series.

"Seterusnya, akan diikuti dua lagi kedutaan asing iaitu Russia dan China. Mantan duta Malaysia pula berkongsi

pengalaman di Ambassadorial Art Lecture Series," katanya.

Pemimpin universiti luar negara turut berkongsi pengalaman kepimpinan mereka di International Partner Lecture Series. UiTM turut menerima kunjungan hormat kedutaan asing dan pusat pendidikan, bahasa dan budaya asing di Malaysia.

Melalui inisiatif ini, katanya, UiTM menerima sumbangan Smart Classroom and Smart Meeting Room Equipment daripada Kedutaan China dan biasanya Canada-ASEAN Scholarship and Educational Exchanges for Development (SEED) bagi dua pelajar UiTM.

Jaringan bersama China-ASEAN Education Co-operation Week (CAECW) di China dengan Hainan Normal University melalui Kerajaan Melaka pula menawarkan 30 biasiswa untuk ijazah, sarjana dan kedoktoran bagi 2019, 2020 serta 2021.

"OIA turut menyertai dua program pameran secara maya iaitu China International Education Exhibition Tour dan China International Education Exhibition Tour dan China International Education Exhibition Tour dan China International Education Exhibition Tour dan China International Education Exhibition Tour," katanya.

Beliau berkata, OIA proaktif menggalakkan program Internationalisation@Home mengikut norma baharu. Terkini adalah program antarabangsa Online Summer School at Samara University, Russia dan Spanish at UIS, Colombia.

Katanya, kelestarian pengantarabangsaan universiti kekal diperkukuhkan dan pandemik COVID-19 tidak akan mengekang mahupun membantu kelestarian pengantarabangsaan UiTM.



UiTM agresif memastikan pandemik COVID-19 tidak mengekang pelbagai inisiatif yang sudah dirancang, dengan memanfaatkan norma baharu secara maya.

Dr Zainab Mohd Noor,
Pegawai Hal Ehwal Antarabangsa (OIA) UiTM